

قیٰقِن قیٰتہ

PETIKAN TITAH

"KERANA itu, Brunei mesti bersedia secara bersepada untuk membentengi diri daripada wabak ini. Secara fizikal, kita didorong untuk mengutamakan kebersihan, menggunakan topeng muka dan *hand sanitizer*. Tetapi ini saja belum memadai, melainkan mesti juga komited dengan faktor psikologi, iaitu bersabar dan bertenang serta yakin kepada pertolongan Allah".
- Titah Perutusan Khas Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada 21 Mac 2020.



WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK
4.46

SUBUH
4.56

SYURUK
6.17

DUHA
6.40

ZUHUR
12.27

ASAR
3.44

MAGHRIB
6.34

ISYAK
7.46

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 minit

ماپیسش ایمان

MANISNYA IMAN

DARIPADA Anas bin Malik Radiallahuanhu berkata, doa Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam yang paling sering diucapkan ialah : "Ya Allah, Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari seksa api neraka". (Hadis Riwayat Imam Bukhari).

Belia sumber tenaga masyarakat, negara

Assalamu'alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihie

Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya

Waddeen, Wassalatu Wassalamu 'Ala

Asyrafil Mursaleen, Sayyidina

Muhammadin, Wa'alaa Aalihee

Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kerana dapat sama-sama berkumpul untuk menghadiri Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-16 pagi ini.

Cabarannya bersabit wabak pandemik telah menampilkan golongan belia sebagai sumber tenaga masyarakat dan negara.

Belia, tanpa mengenal letih, mampu untuk menjadi sukarelawan yang berjasa. Inilah belia.

Mereka layak untuk dicontohi dalam perkara menyumbangkan bakti kepada negara. Apabila diperlukan, biasanya mereka cepat-cepat tampil menyahut panggilan. Inilah sifat belia.

Mereka akan tampil dengan semangat juang yang tinggi serta tenaga yang kental dan segar, berbanding golongan-golongan lain. Ini tidak syak lagi, adalah ciri istimewa belia itu.

Beta berharap, ciri ini biarlah kekal untuk mewarnai kehidupan belia, supaya mereka terus unggul, dihargai oleh semua peringkat.

Jangan runtuhkan identiti belia yang baik. Kekalkan identiti ini untuk mendapatkan keyakinan masyarakat terhadap mereka. Ingatlah, keyakinan boleh luntur apabila

identiti tidak dipelihara.

Masyarakat cukup sensitif dengan belia. Jika baik belia, maka masyarakat pun sangat teruja dan menyanjung mereka. Tetapi jika sebaliknya, masyarakat akan lari, menjauhi diri daripada mereka.

Contohnya, apabila belia misalnya, terjebak menagih dadah, maka masyarakat dengan sendirinya akan berundur, untuk melindungi diri daripada angkara dadah.

Maka di sinilah, para belia itu perlu insaf, bahawa mereka adalah ibarat 'cermin' masyarakat, di mana baik atau buruknya keadaan, dapat dilihat menerusi cermin ini.

Beta telah melihat dari cermin ini satu perkara yang menggembirakan, iaitu mengenai Ekosistem Keusahawanan belia dan Program i-Usahawan, yang sedang berkembang dengan baiknya semenjak ia dilancarkan pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13, Tahun 2018.

Bukti awal kejayaan Ekosistem dan Program i-Usahawan ini berhasil mengkhususkan sebanyak 35 kontrak di dalam Sektor Tenaga, dalam mana, 19 daripadanya telah pun dianugerahkan kepada 24 pengusaha-pengusaha belia dengan anggaran nilai kontrak berjumlah 29 juta ringgit.

Dalam kalangan pengusaha belia, mereka juga telah berjaya untuk memberikan peluang pekerjaan kepada lebih kurang 300 orang anak tempatan.

Semua ini menjadi petunjuk jelas, bahawa para belia Brunei sudah mampu untuk mencapai dan mencatatkan kejayaan di peringkat yang tinggi.

Pada hemat beta, Program i-Usahawan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16, Tahun 2021 dengan tema : 'Belia Siaga Masa Depan' pada Sabtu, 27 Zulhijah 1442 Hijrah bersamaan 7 Ogos 2021 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

elok juga dilaratkan ke dalam sektor bukan tenaga, terutama dalam sektor awam dan keseluruhan yang dihasratkan.

Di sini, kita dapat memahami bahawa kedayaatahanan adalah kunci kejayaan belia, di samping kualiti keperibadian dan sikap tidak mahu mengalah dalam bersaing.

Persaingan yang dimaksudkan di sini, ialah bersaing bagi mencapai kecemerlangan

duniawi dan ukhrawi.

Untuk akhirnya, bersemepena dengan Hari Belia Kebangsaan ini, beta tidak lupa mengucapkan syabas kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka sama-sama membangun dan memajukan negara.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Belia berilmu, beramal soleh pemangkin negara berkat

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

UMAT Islam di Negara Brunei Darussalam sepetimana umat Islam lainnya di seluruh dunia meraikan kedatangan Tahun Baharu Hijrah 1443, sambutan bagi memperingati salah satu peristiwa penuh bersejarah dalam kalender Islam. Peristiwa hijrah Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda dari Mekah Al-Mukaramah ke Madinah Al-Munawarah telah membuka lembaran sejarah yang paling agung bukan sahaja dalam perkembangan agama Islam, tetapi juga kepada tamadun manusia keseluruhannya. Hijrah Baginda itu juga membawa perubahan yang besar kepada kebangkitan dan perkembangan agama Islam yang mana bermula daripada peristiwa tersebut, agama Islam semakin pesat dan berkembang maju di seluruh dunia.

Hijrah perbuatan

Hijrah adalah sangat relevan untuk diterapkan terutama terhadap individu iaitu dengan berusaha menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan yang mendatangkan keburukan, berubah daripada perlakuan negatif kepada positif. Hijrah itu sendiri membawa pengertian yang amat luas yang bukan sahaja terbatas pada pengertian berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain, malahan juga bermaksud hijrah

hati iaitu dengan meningkatkan keimanan dan ketakwaan, menambah ilmu pengetahuan, memperbaikkan amal soleh, mengamalkan akhlak Islam, meninggalkan segala perbuatan yang ditegah dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan segala perintah dan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keimanan, ketakwaan dan ketaatan. Semua masyarakat apatah lagi golongan belia yang merupakan bakal pemimpin negara haruslah sentiasa menyemai niat untuk berhijrah ke arah kebaikan dengan meningkatkan ilmu pengetahuan dan mengukuhkan akidah dengan beramal soleh ke arah mewujudkan sebuah negara yang direndai Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1443 :

"Pengajaran hijrah yang sebenar-benarnya, untuk menyelamat dan menguatkan akidah kita. Adapun cara menyelamat dan menguatkan akidah itu ialah dengan amal soleh".

Memperingati Awal Tahun Hijrah

Sebagai sebuah Negara Zikir, negara terus meraikan kedatangan Tahun Baharu 1443 Hijrah dengan tahun ini bertemakan 'Belia

Berilmu, Beramal Salih Pemangkin Negara Berkat'. Ketika negara sekali lagi diduga dengan jangkitan tempatan COVID-19 pada 7 Ogos 2021M bersamaan 27 Zulhijah 1442H yang baru lalu, namun dugaan tersebut bukanlah penghalang bagi rakyat dan penduduk di negara ini meraikan peristiwa hijrah junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda. Walaupun kedatangan tahun hijrah tahun ini tidak dapat disambut seperti lazimnya, namun umat Islam di negara ini tetap memperingati dan meraikan hari kebesaran Islam ini dengan membaca Doa Akhir Tahun 1442 sebelum azan Sembahyang Fardu Maghrib dan Doa Awal Tahun 1443 selepas Sembahyang Fardu Maghrib di rumah masing-masing, sama ada secara persendirian atau berjemaah dalam kalangan ahli keluarga serumah. Sementara itu masjid, surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara pula membaca kedua-dua doa berkenaan dengan menggunakan pembesar suara yang boleh didengar dan diikuti atau diaminkan oleh orang ramai yang tinggal di sekitar kawasan berkenaan. Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah mengambil langkah dengan menyediakan dan mengedarkan teks doa secara dalam talian melalui laman sesawang rasmi kementerian tersebut dan akaun Telegram rasmi 'GOV.BN Official'. Intipati kedua-dua doa berkenaan itu ialah kita dengan keinsafan mengaku akan kelemahan dan

kekurangan kita manusia selaku hamba Allah Subhanahu Wata'ala dan makhluk-Nya. Lalu kita beristighfar memohon ampun kepada-Nya atas dosa-dosa yang terlanjur kita lakukan, yang mana sesungguhnya Allah memberi kita kesempatan menebusnya dengan bertaubat untuk tidak mengulangi keterlaluan yang telah dilakukan. Semoga dengan istighfar, doa dan taubat sedemikian itu, Allah Subhanahu Wata'ala akan merahmati kita sekalian yang membaca atau mengaminkannya dengan penuh harapan dan keyakinan.

Penutup

Maka bersempena Tahun Baharu 1443 Hijrah ini, marilah kita melakukan hijrah dengan meningkatkan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Memperkasadi diri selaku mukmin sejati agar kita tidak mudah tunduk dengan pelbagai ujian dan cabaran yang cuba mempengaruhi kita untuk mengingkari hukum dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita bersama-sama membuat penghijrahan iaitu melakukan perubahan dari satu keadaan yang baik kepada satu keadaan yang lebih baik. Mudah-mudahan dengan dengan demikian kita dapat bekerjasama untuk membangun agama, bangsa dan negara dengan petunjuk dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala. Amin, Amin, Amin Ya Rabbal 'Alamin.



BELIA BERJAYA INSPIRASI PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Isnin, 9 Ogos. - Kejayaan besar belia-belia yang dianugerahkan bersempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas setentunya memberikan nafas baharu kepada segala usaha pembangunan negara dalam pelbagai bidang.

Pada kesempatan ini, Pelita Brunei baru-baru ini membuat pendekatan dengan menemu bual penerima Anugerah bagi Kategori Belia Cemerlang bagi Tahun 2020 yang telah mengharumkan nama negara di persada dunia iaitu dengan meraih pingat emas di Sukan SEA 2019, Filipina serta pelbagai lagi kejohanan-kejohanan yang lain.

Awang Adi Salihin bin Roslan berharap dengan anugerah yang diberikan itu mampu memberikan sumber inspirasi kepada belia-belia terutamanya belia yang bergiat aktif dalam bidang sukan kerana atlet Negara Brunei Darussalam juga berkemampuan untuk memberikan persaingan sekali gus mencipta nama dalam pertandingan berprestij antarabangsa.

Adaptasi teknologi, lahirkan belia inovatif



DAYANG Kwan Pei Yun@Joanna, penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia 2021.

BERAKAS, Isnin, 9 Ogos. - Penerima-penerima anugerah bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16 dinilai dari segi kejayaan besar mereka sehingga mampu mengadaptasikan diri dengan memanfaatkan sepuhunya penggunaan teknologi digital sejarah dengan dasar belia negara dan juga Wawasan Brunei 2035.

Penerima Anugerah Kategori Pemimpin Muda Belia Tahun 2021 ini merupakan seorang pendidik yang telah ditauliahkan sebagai 'Expert Literacy Coach' atas sumbangannya membimbang 34 orang guru baharu dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan melibatkan 600 pelajar.

Di luar bidang kerjaya, Dayang Kwan Pei Yun, pemimpin belia itu adalah seorang penggiat seni yang membawa belia-belia untuk bergiat aktif dalam industri kreatif dan telah membimbang lebih 100 belia dalam dunia pementasan. Beliau dianugerahkan empat pingat perak, satu pingat gangsa dalam World Championship of Performing Arts dan Anugerah Penghargaan (Special Mention) sempena

Selain segala usaha keras dan tunjuk ajar daripada jurulatih, belia berusia 21 tahun itu juga menzahirkan rasa syukur kerana mendapat sokongan dan dorongan daripada keluarga di mana keluarga belia sangat menyokong pembabitian beliau sejak dari awal penyertaan lagi sebagai atlet dalam sukan wushu.

Selama 14 tahun, beliau mendedikasikan diri dalam sukan wushu dan menjadi inspirasi kepada belia-belia khususnya dalam kalangan atlet sukan untuk mengukir kecemerlangan dalam dunia sukan di peringkat antarabangsa di mana antara yang pernah beliau menangi seperti mendapat pingat perak dalam SUKMA, dua pingat emas dan satu gangsa dalam World Wushu Cup Championship 2017 di Iran dan banyak lagi.

"Media sosial adalah platform yang sangat penting pada ketika ini dan gunakanlah media sosial sebaik-baiknya untuk memperoleh pengetahuan yang berpatutan dan berguna demi membantu memajukan lagi prestasi diri," tambah beliau semasa ditemui media.

Sementara itu, Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad menyatakan sepanjang penglibatannya mengikut kerja-kerja atau program sukarelawan, beliau memperoleh banyak manfaat antaranya mampu mewujudkan persekitaran yang baik serta memperoleh ganjaran pahala dan doa yang baik daripada yang disumbangkan bantuan.

Selain itu katanya, peka akan masalah peringkat akar umbi iaitu sebagai belia yang masih mempunyai rezeki tenaga, masa ini adalah peluang yang terbaik untuk kitani berkhidmat menggunakan apa yang kitani ada untuk sama-sama membimbing masyarakat ke hari yang lebih baik dari yang sebelumnya.

Beliau merupakan penerima Anugerah bagi Kategori Belia Berkhidmat 2020 dan berjaya menunjukkan tahap kepimpinan yang cemerlang menjadi tonggak kepada kegiatan kesukarelawanan dan belia masjid dalam pelbagai organisasi antaranya Majlis Belia Brunei, Youth Professional Network, Ketua Belia Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, Pergerakan Belia IMPAK dan

bergiat aktif dalam Majlis Perundingan Kampung dan telah memulakan perusahaan Tambang.bn.

"Sebagai belia, kitani mempunyai rezeki sihat tubuh badan, masa dan tenaga. Kita haruslah menggunakan apa yang kitani ada untuk kebaikan bersama dan banyak platform yang di sediakan oleh pihak kerajaan dan NGO memudah cara untuk belia menyertai program-

program sukarelawan dan juga program untuk menaikkan taraf diri, di antaranya melalui Majlis Belia Brunei, Aplikasi 'Mengalinga' yang baharu saja dibuka untuk khalayak ramai," ujarnya kepada media.

Dalam masa yang sama, beliau juga turut menambah bahawa untuk meneruskan lagi legasi Allahyarham abangnya di mana dikenali sebagai seorang individu yang bergiat aktif semasa sepanjang hayatnya.



AWANG Mohd. Adi Salihin bin Roslan dari Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam menerima Anugerah Belia Cemerlang 2020.



AWANG Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad penerima Anugerah Belia Berkhidmat 2020.



DAYANG Siti Kailene binti Mohd. Jazlan Kashfi dari Program Kesedaran HIV/AIDS bagi Rakan Sebaya dan Belia (HIV/AIDS Awareness Programme for Peers and Youth - H.A.P.P.Y) menerima Anugerah Projek Cemerlang 2021.

Sambutan Hari Guru 2019.

Dayang Kwan Pei Yun menyatakan baru-baru ini, golongan muda adalah yang paling mudah terkesan berikutnya kemudahan akses kepada internet dan media sosial dan mereka juga paling terdedah terhadap semua jenis pengaruh.

"Mereka masih mencari dan mengetahui jenis orang yang mereka mahukan. Ini adalah sebahagian besar mengapa kita melakukan apa yang dilakukan di Seeds Brunei untuk memastikan belia-belia mempunyai tempat yang selamat untuk berkembang dan meneroka bakat mereka dengan cara yang sesuai dengan falsafah kebangsaan Melayu Islam Beraja (MIB) yang unik dan menggunakan sebagai panduan kita dalam cara kita bekerja," katanya.

Beliau menambah, adapun ciri-ciri belia yang menjadi aset

penting negara di masa hadapan antaranya kesediaan untuk belajar, memperbaiki diri dan berusaha, resilience serta bersikap terbuka terhadap idea dan cara yang baharu.

Dalam masa terdekat, beliau berharap agar mereka dapat mengajak akan lebih banyak belia dengan meluaskan lagi penglibatan keempat-empat daerah di negara ini. "Kami juga akan bekerja keras untuk memastikan kami dapat menarik lebih ramai individu untuk menyokong kami dan juga menyertai kami sebagai coaches," tambahnya lagi.

Sementara itu, projek yang mula diperkenalkan sejak dari tahun 2008 lalu kini mempunyai impak yang besar kepada pembangunan belia khususnya kepada kesedaran mengenai HIV/AIDS. Selama 13 tahun ia dilaksanakan, projek tersebut berjaya melibatkan lebih 10 ribu orang dalam program pendidikan mengenai HIV/AIDS.

Perisian projek ini juga dijadikan salah satu kandungan dalam beberapa program pendidikan seperti kursus pra-perkahwinan. Projek ini pernah menerima Anugerah Commonwealth Youth Silver dari Commonwealth Asia Centre. Penerima Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia bagi tahun 2021 ialah Projek HIV/AIDS Awareness Programme for Peers and Youth (H.A.P.P.Y).

Penyelaras projek, Dayang Siti Kailene binti Mohd Jazlan Kashfi menjelaskan Program Kesedaran HIV untuk Rakan Sebaya dan Belia (H.A.P.P.Y) adalah projek yang dikendalikan oleh belia yang menjurus kepada kesedaran HIV termasuk pengetahuan mengenai kehamilan remaja dan juga jangkitan kelamin meliputi empat daerah di seluruh negara.

Dayang Siti Kailene juga menerangkan Program HAPPY mengambil masa selama antara

Kementerian Kesehatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

! Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda

demam

batuk

selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung **yang betul.**

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.

Pastikan iaeny tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika iaeny kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

1.5 hingga dua jam itu menggabungkan audio dan visual serta aktiviti interaktif untuk menyampaikan mesej yang lebih berkesan kepada belia-belia. Manakala isi kandungan program ini telah disesuaikan dengan nilai dan identiti Negara Brunei Darussalam.

Beliau seterusnya menyarankan, jika ada mempunyai permasalahan atau kesusahan yang dihadapi masyarakat, kita harus mencuba untuk mencari jalan penyelesaian seperti apa yang dilakukan di dalam Program HAPPY.